

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Islam adalah agama yang syumul, mencakupi semua sistem hidup dan kehidupan, di mana melalui konsep akidah, syariat dan akhlak yang digariskan oleh Islam, jika ia diimani seteguhnya oleh setiap Muslim sudah tentu ia akan mendapat kebahagian hidup di dunia dan di akhirat.

Islam merupakan agama tauhid yang diturunkan oleh Allah s. w. t. melalui Nabi Muhammad s. a. w., kepada seluruh umat manusia bagi menyucikan akidah mereka dengan bertauhid kepada Allah serta menjauhi sebarang bentuk syirik kepada-Nya. Akidah adalah persoalan asas di dalam Islam. Tanpa akidah tauhid semua perkara sama ada mengenai Zat, Sifat, Perbuatan (*Af'āl*) dan lain-lain, seseorang itu pasti akan terseleweng dalam iktikad juga ibadah terhadap Allah, Penguasa sekalian alam.¹

Oleh itu, persoalan akidah adalah suatu persoalan yang amat penting di dalam Islam, kerana hanya berpegang kepada akidah yang betul mengikut ajaran Islam tentang hakikat ketuhanan, syariat, akhlak dan apa-apa yang berkaitan dengan persoalan dasar Islam, akan menentukan sama ada benar atau tidaknya

¹ Abū Bakr Jābir al-Jazā'īrī (1964), *Minhaj al-Muslim, Kitāb 'Aqāid Wa Adāb Wa Akhlāq Wa 'Ibādāt Wa Mu'amalāt*, Dār al-Kutub al-Salafiyyah, Kaherah, h. 15-22.

kepercayaan seseorang Muslim itu terhadap Tuhan-Nya. Iman yang sempurna dan diterima Allah s. w. t. adalah iman yang didasari oleh pegangan akidah yang sempurna terhadap-Nya.²

Hari ini umat Islam sedang menghadapi pelbagai cabaran khasnya cabaran yang boleh mengancam keselamatan akidah mereka terhadap Allah s. w. t. Umat Islam di Malaysia juga tidak terlepas dari ancaman gejala penyelewengan akidah dengan lahirnya ajaran-ajaran salah yang dibawa oleh orang perseorangan atau golongan tertentu. Pada masa ini di negara kita sudah banyak kumpulan ajaran sesat yang timbul dari masa ke semasa. Menurut Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sejak tahun 1975³ hingga bulan Mei tahun 2001 sahaja terdapat sebanyak 124 kumpulan ajaran sesat yang telah dan sedang bergerak di negara ini.⁴ Boleh dikatakan hampir kesemua negeri-negeri di Malaysia disebarkannya secara senyap-senyap dan ada kalanya ajaran-ajaran itu mendapat sokongan dari tokoh-tokoh kecil agama tempatan⁵ yang belum faham dengan kandungan ajaran-ajaran yang dibawa oleh guru-guru ajaran itu, atau sememangnya mereka telah terpengaruh dengan ajaran tersebut.

² *Ibid.*, h. 33-37.

³ Selepas ia ditubuh pada tahun 1974, dengan nama Pusat Penyelidikan Islam (PPI), Jabatan Perdana Menteri.

⁴ Fakta ini tercatat pada beberapa dokumen berkaitan yang diperolehi penulis daripada pihak JAKIM pada September 2001.

⁵ Antaranya ialah Haji Muhamad bin Haji Ya. Berkelulusan B.A. Syariah Islamiah, Universiti al-Azhar Mesir, Puan. Kamariah binti Ali. Berkelulusan B.A Syariah Islamiah, Universiti al-Azhar Mesir (isteri kepada Muhamad bin Haji Ya) dan Prof. Kadirun Yahya, M. Sc. Medan Sumatera.

Sebilangan daripada ajaran-ajaran tersebut secara jelas boleh menyebabkan pengikut-pengikutnya menjadi murtad, kerana amalan dan konsep dalam ajarannya bercanggah dengan akidah dan syariat Islam. Bahkan ada pula ajaran yang pengikutnya sanggup mengisyiharkan diri keluar dari agama Islam kerana mereka mempercayai ajaran dipegangnya itu adalah benar.

Salah satu daripada ajaran yang bergerak di atas nama tarekat Islam yang terdapat di negara ini ialah ajaran Hassan Anak Rimau yang lebih dikenali dengan "Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau,"⁶ yang berpusat di Kampung Bukit Mas, yang terletak di jajahan Tanah Merah, Kelantan. Ajaran 'Tarekat' inilah yang difokuskan oleh penulis dalam kajian ini. Melalui kajian ini penulis akan menyelongkar dengan terperinci tentang aspek-aspek ajaran, metod gerakan serta proses penyelewengan yang berlaku dalam ajaran ini, dengan memberi penekanan terhadap penyelewengan mengenai 'akidah dan ibadah'.

Dalam usaha menyiapkan kajian ilmiah ini penulis menghadapi beberapa kesukaran, namun dengan izin Allah s. w. t. dapat juga penulis menyiapkannya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Di antara masalah utama yang dihadapi dalam tempoh kajian ini ialah penulis menghadapi kesukaran dalam usaha mendapatkan fakta yang sebenar mengenai ajaran tersebut apabila menemubual individu-individu berkenaan, lantaran mereka bimbang hasil kajian ini boleh memberi ancaman fizikal dan mental terhadap mereka.

⁶ "Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau" diasaskan oleh Hassan bin Yaacob pada awal tahun 1980an. Beliau mempunyai banyak gelaran antaranya ialah Tok Ayah Hassan, Pak Teh Hassan, Pak Chu Hassan, Hassan Anak Limau dan gelarannya yang paling popular ialah *Hassan Anak Rimau*. Di dalam penulisan ini penulis banyak menggunakan gelarannya yang popular iaitu 'Hasan Anak Rimau' bagi mengelakkan kekeliruan pembaca.

Kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan bertulis sebagai bahan dokumentasi seperti wirid-wirid yang menjadi bacaan amalan kumpulan “Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau”, kerana ia merupakan rahsia bagi ahli kumpulan tersebut. Walau bagaimanapun penulis telah mendapat gambaran amalan kumpulan tersebut dari bahan-bahan kes yang terdapat di Bahagian Penguat Kuasaan Undang-Undang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mahkamah Tinggi Syariah, Kota Bharu, Pejabat Kadi jajahan Tanah Merah dan juga dari individu-individu yang pernah mengikuti kumpulan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

1.2 Definisi Tajuk

Kajian ilmiah ini bertajuk **“Penyelewengan Akidah Di Negeri Kelantan: Kajian Kes Ajaran Hassan Anak Rimau Di Jajahan Tanah Merah, Kelantan”**. Untuk lebih terarah dalam mencapai tujuan sepanjang pembahasan disertasi ini, juga untuk menjaga kesalahan dalam pemakaian istilah mengenai tajuk kajian, terlebih dahulu dinyatakan erti bagi setiap perkataan yang tersusun dalam tajuk di atas. Ianya dapatlah dijelaskan seperti berikut:

- i- **Penyelewengan:** “Perbuatan menyelewangkan, penyimpangan daripada dasar, memisahkan kita daripada hakikat pengajaran agama Islam yang sebenar”.⁷

⁷ Kamus Dewan (1998), Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 1220.

- ii- **Akidah:** “Kepercayaan atau keyakinan”.⁸ Secara umumnya, akidah membawa erti suatu kepercayaan atau keyakinan seseorang individu atau sesebuah masyarakat terhadap sesuatu perkara secara yakin.⁹ Ianya merupakan suatu perkara yang wajib dibenarkan oleh hati sehingga ia menjadi keyakinan yang mantap serta tidak bercampur dengan keraguan-keraguan atau kebimbangan.¹⁰ Akidah yang benar-benar menepati dengan pengertian dan konsepnya yang sebenar ialah akidah Islam yang berteraskan keimanan kepada Allah dalam konsepsinya yang sebenar seperti yang dibentangkan oleh Allah sendiri di dalam al-Quran.¹¹
- iii- **Di Negeri Kelantan:** Di “Kata sendi nama yang menunjukkan tempat”¹² Negeri Kelantan ialah sebuah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan Terengganu di sebelah timur, Pahang di sebelah selatan, Perak dan Selatan Thai di sebelah barat dan Laut China Selatan di sebelah utara. Keluasannya 14,922 km persegi. Jumlah penduduknya 2.4 juta

⁸ Sayyid Sâbiq (1964), *al-'Aqâid al-Islâmiyyah*, Dâr al-Kutub al-'Arabi, Beirut, h. 8-10.

⁹ Sayyid Sâbiq, *Ibid.*, h. 10-16. Lihat sama Rohi Balbaki (1997), *al-Mawrid Qâmus 'Arabi-Inggrizi*, al-Tab'atul 'Âsyirah, Beirut, h. 770.

¹⁰ Ibn Taimiyyah (1980), *Aqidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jâma'ah*, (terj.) Jamaluddin Kafie, Bangil, h. 7.

¹¹ Sayyid Sâbiq, *Op. Cit.*, h. 20-27. Lihat sama Mohd. Sulaiman bin Haji Yasin (1981), *Pengantar Aqidah*, Diterbitkan oleh Persatuan Mahasiswa Timur Tengah, Malaysai, Cet. 1. h. 209.

¹² Kamus Dewan Edisi Ketiga, *Op. Cit.*, h. 301.

orang, dan Kota Bharu merupakan Ibu Negeri Kelantan.¹³ Negeri ini terbahagi kepada 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Setiap jajahan diketuai oleh ketua jajahan dan setiap daerah di ketuai oleh seorang penggawa. Jajahan tersebut ialah Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang.¹⁴

- iv- **Kajian Kes:** “Kegiatan (usaha, proses) mengkaji¹⁵ terhadap sesuatu perkara yang dijadikan objek penyelidikan untuk mendapatkan fakta dan data yang tepat mengenainya. Kes, bermaksud “suatu perkara yang berlaku atau keadaan khusus yang berhubung dengan sesuatu hal”.¹⁶
- v- **Ajaran:** “Teori atau segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, mempercayai keramat yang dimiliki oleh seseorang guru dengan tidak sekali-kali melupakan guru yang mengajarnya”.¹⁷
- vi- **Hassan Anak Rimau:** Beliau ialah Hassan bin Yaacob yang merupakan guru pengasas dan penyebar ajaran sesat yang difokuskan dalam kajaran ini. Beliau juga mempunyai banyak gelaran antaranya ialah Tok Ayah Hassan, Pak Teh Hassan, Pak

¹³ Goh Cheng Leong (2002), *Atlas Eksplorasi Geografi KBSM*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan, h. 91-95. Lihat sama Laporan Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu dalam buku Sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan, 1998, yang bertema “Raja Berdaulat Rakyat Berkat”.

¹⁴ *Ibid.* Lihat sama lampiran 15.

¹⁵ Kamis Dewan Edisi Ketiga, *Op. Cit.*, h. 560.

¹⁶ *Ibid.* h. 662.

¹⁷ *Ibid.* h. 18.

Chu Hassan, Hassan Anak Limau dan gelarannya yang paling popular ialah *Hassan Anak Rimau*.¹⁸

- vii- **Jajahan Tanah Merah, Kelantan:** Jajahan ialah “kawasan yang termasuk di dalam sesebuah pentadbiran atau daerah atau negeri yang dijajah”.¹⁹ Tanah Merah merupakan salah satu daripada sepuluh jajahan yang terdapat di negeri Kelantan. Ia mempunyai keluasan 867.6 km. persegi, dan penduduknya pula terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan Siam. Kaum Melayu (Islam) pula berjumlah 98% dari jumlah penduduknya.²⁰ Manakala perkataan “**Kelantan**”; perkataan akhir dalam tajuk kajian ini; menjelaskan bahawa kajian ini hanya membincangkan secara khusus mengenai Ajaran Hassan Anak Rimau yang berpusat di Kampung Bukit Mas, di jajahan Tanah Merah, Kelantan, tanpa membincangkan ajaran tersebut yang wujud di tempat-tempat atau negeri-negeri lain.

1.3 Alasan Pemilihan Tajuk

Dalam usaha menyiapkan pengajian di peringkat Sarjana, penulis memilih tajuk seperti di atas, sebagai tajuk disertasi ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor. Antaranya:

¹⁸ Laporan Penyebaran Tariqat Zikrullah Hassan Anak Rimau Di Kampar Perak, Bahagian Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, bertarikh: 28 November 1990, h. 10. Lihat sama nota kaki no. 6 bab ini.

¹⁹ Kamus Pelajar (1993), Cet. 9, Dewan Bahasa dan Pustaka , Kuala Lumpur, h. 596.

²⁰ Fakta ini berpandukan catatan bincian yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Perangkaan Negeri Kelantan bagi tahun 1991, yang diperolehi penulis dari Pejabat Tanah dan Jajahan, Tanah Merah.

- i. Untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat umum tentang konsep akidah Islamiah yang sebenar sebagaimana dikehendaki oleh Allah s. w. t, agar mereka dapat membebaskan diri dari gejala penyelewengan akidah yang sering melanda ummah.
- ii. Untuk mengetahui secara terperinci mengenai perkembangan penyelewengan akidah yang berlaku di kalangan umat Islam, khususnya di jajahan Tanah Merah, Kelantan.
- iii. Untuk memberi lebih penumpuan terhadap doktrin dan amalan-amalan yang dipraktik serta disebarluaskan oleh salah satu daripada kumpulan ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam; iaitu ajaran *Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau* yang berpusat di Kampung Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan.
- iv. Untuk melihat sejauh manakah keberkesanan ajaran yang dibawa dan disebarluaskan oleh 'Pak Chu Hassan'²¹ serta beberapa pengikutnya, dan penerimaan masyarakat Islam setempat, khususnya di jajahan Tanah Merah.
- v. Untuk meneliti apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak berkenaan dalam menangani gejala penyelewengan akidah seperti ajaran yang difokuskan dalam kajian ini. Juga untuk mengetengahkan cadangan-cadangan positif dalam usaha menangani gejala tersebut.

²¹ 'Pak Chu Hassan' adalah salah satu daripada nama panggilan bagi Hassan bin Yaacob.

1.4 Objektif Kajian

Sebahagian daripada masyarakat Islam hari ini mudah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang bercorak kerohanian dan kebatinan yang dibawa oleh pelbagai pihak. Dalam perkembangan ajaran-ajaran kebatinan ini, realiti menunjukkan adanya individu-individu atau golongan tertentu yang mencari pengaruh dan kepentingan peribadi dengan menyebarkan ajaran-ajaran yang berbentuk amalan kebatinan yang disifatkan sebagai amalan tarekat. Oleh kerana terdapat sebahagian dari umat Islam yang ingin sampai ke *maqam* tinggi di sisi Allah dengan mengambil jalan pintas, iaitu dengan tidak mahu bersusah payah mempelajari ilmu agama serta beribadat kepada-Nya. Mereka mudah menerima apa yang dikatakan ‘amalan kebatinan’, yang menjurus ke arah syirik kepada Allah serta memesongkan akidah setiap pengikut ajaran tersebut. Oleh yang demikian, objektif penulisan disertasi ini adalah seperti berikut:

- i- Untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin, dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- ii- Untuk memperjelaskan konsep akidah Islam yang sebenar dengan mengemukakan takrif dan pengertian akidah Islam yang telah digariskan oleh para ulama yang muktabar; berlandaskan kepada al-Quran dan hadis. Ini akan memberi panduan kepada masyarakat Islam dalam memastikan kesempurnaan akidah di dalam beragama.

- iii- Untuk menghasilkan satu kajian ilmiah yang berkaitan dengan gejala penyelewengan akidah di negeri Kelantan, khususnya di jajahan Tanah Merah yang terletak di sana pusat ajaran sesat “Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau”. Ianya bagi mendedahkan kepada masyarakat dari sudut kesalahan-kesalahan yang boleh merosakkan akidah melalui amalan kebatinan daripada ajaran tersebut.
- iv- Untuk menerangkan konsep, matlamat serta asal usul ajaran Hassan Anak Rimau,²² yang disebarluaskan dengan cara mempengaruhi anggota masyarakat Islam menyertainya. Juga untuk mengetahui bacaan atau zikir-zikir yang menjadi amalan pokok di dalam ajaran tersebut dan membahaskannya dari perspektif Islam. Ini bertujuan menyelamatkan masyarakat dari terpengaruh dengan ajaran menyeleweng yang boleh merosakkan akidah seseorang Muslim.
- v- Untuk mengkaji, menilai serta merumus dan memberi saranansaranan positif dalam usaha menangani masalah gejala penyelewengan akidah melalui ajaran-ajaran sesat yang disebarluaskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi mempengaruhi sebahagian masyarakat Islam.

²² ‘Tarekat’ ini telah difatwakan sebagai ajaran salah oleh Jemaah Ulama, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan beberapa Jabatan Agama Islam negeri lain serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

1.5 Permasalahan Kajian

Dalam sejarah perkembangan agama Islam sejak kelahirannya di Kota Mekah hingga ke Islam sampai ke pelusuk dunia, kaum Muslimin sentiasa digugat dengan pelbagai sahaman baru, pegangan dan ajaran yang mengelirukan. Dari masa ke semasa ada sahaja orang-orang yang mendakwa dirinya sebagai nabi, rasul, juga sebagai *al-Mahdi al-Muntazar*. Ia bertujuan bagi mempengaruhi manusia lain mengikut apa sahaja ajaran dan fahaman yang dibawanya. Orang-orang ini merupakan di antara peribadi yang pernah disebut di dalam al-Quran sebagai orang-orang yang ‘hati atau jiwanya berpenyakit’. Firman Allah s. w. t.:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَلُوْا يَكْذِبُونَ

Maksudnya: “*Di dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab siksa yang tidak terperinci sakitnya dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)*”.²³

Apakah yang dimaksudkan dengan ‘berpenyakit’ dalam ayat di atas ialah penyakit di dalam beragama dan bukannya penyakit yang dialami oleh jasmani seseorang itu. Orang-orang munafik sentiasa mempunyai keraguan terhadap kebenaran agama Islam, lantaran mereka memasuki agama Islam itu bukan kerana keikhlasan untuk mendapat keredaan Allah s. w. t. serta mengabdikan diri kepada-

²³ Surah al-Baqarah, 2: 10. (Surah kedua, ayat yang ke sepuluh). Setiap maksud dari petikan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan ini; berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1995), Edisi Rumi. Diterbit oleh: Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

mata. Dengan sikap mereka sedemikianlah, maka Allah menambahkan lagi di dalam hati-hati mereka keraguan terhadap Islam dengan menjadikan mereka terus mengadakan pendustaan terhadap agama Allah yang Maha Suci.²⁴

Penyelewengan akidah yang membawa kepada syirik itu seharusnya dibincangkan secara terperinci serta disusuli dengan usaha-usaha ke arah menyelamatkan umat Islam daripada terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang menyeleweng, di mana usaha dan sesuatu tindakan itu mestilah dilakukan secara berterusan oleh semua pihak. Nampaknya betapa kejihilan dan sentimen manusia memainkan peranan amat besar kepada mempercayai sesuatu perkara yang karut dan tidak masuk akal.

Semasa Rasulullah s. a. w. masih hidup, tidak terdapat sebarang kekeliruan mengenai akidah di kalangan umat Islam kerana akidah mereka dijelaskan secara terus oleh Rasulullah. Para sahabat yang mendengar wahyu yang dibacakan oleh Baginda sentiasa patuh dan menghayatinya tanpa banyak soal jawab. Sekiranya ada sesuatu kemosykilan mereka terus bertanya dan Rasulullah menjawabnya²⁵.

Tetapi sesudah Baginda wafat pada tahun ke-11 H, dalam usia 63 tahun,²⁶ bermulalah bibit-bibit perpecahan di kalangan umat Islam seperti timbulnya dakwaan nabi-nabi palsu, kaum Syiah, Khawarij, Muktazilah dan lain-lain yang

²⁴ Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr (1988) , *Tafsīr al-Qurān al-'Azīz*, al-Juz al-Awwal, Dār al-Hadīth, Kaherah, h. 47.

²⁵ Muhammād Sa'īd Ramadān al-Būtī (t.t), *Fiqh al-Sīrah*, al-Tab'ah al-Sabi'ah, Dar al-Fikr, Kaherah, h. 19-25.

²⁶ *Ibid.* h. 354.

mana ini semua merupakan titik permulaan ke arah berlakunya penyelewengan akidah di kalangan umat Islam.²⁷

1.6 Batasan Kajian

Ajaran sesat ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ adalah satu gerakan yang boleh membawa kekeliruan terhadap sesetengah individu dan juga masyarakat Islam dalam perkara yang berkaitan dengan akidah Islamih, terutama sekali bagi mereka yang mempunyai keimanan yang lemah dan tidak begitu mengetahui tentang ajaran agama Islam yang sebenarnya. Antara perkara-perkara yang dikaji oleh penulis mengenai ajaran ini ialah:

- i- Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai ajaran yang diasaskan oleh Hassan bin Yaacob yang berpusan di Kampung Bukit Mas, di jajahan Tanah Merah, Kelantan. Walaupun terdapat beberapa perkara lain yang disebut dalam disertasi ini, tetapi ianya mempunyai kaitan dengan kajian yang dibuat.
- ii- Penyelidikan juga dibuat mengenai sejarah kelahiran ‘ajaran tarekat’ tersebut, lokasinya yang berpusat di kampung Bukit Mas di Jajahan Tanah Merah, ciri-ciri khas ajaran, keahlian, bentuk-bentuk penyelewengan dan langkah-langkah mengatasinya.

²⁷ Abd. al-Qāhir Ibn Tāhir Ibn Muhammād al-Baghdādī (1937), *al-Farq Bain al-Firaq*, Maktabah Dar al-Turath, Kaherah, h. 12-16.

- iii- Penulis tidak membincangkan mengenai ajaran tersebut yang wujud di tempat-tempat lain, seperti di Ulu Besut Terengganu, Selangor, Kampar Perak dan lain-lain; kerana sesuai dengan fokus tajuk kajian yang dipilih, iaitu kajian kes Ajaran Hassan Anak Rimau di jajahan Tanah Merah.

1.7 Kajian Terdahulu Tentang Tajuk (*Literature Review*)

Kajian mengenai penyelewengan akidah di kalangan masyarakat Islam, khususnya di alam Melayu bukanlah perkara baru. Ia pernah dilakukan oleh beberapa orang Sarjana terutama di Indonesia dan Malaysia seperti H.M. Rashidi,²⁸ Hamka,²⁹ S.M. Naquib al-Attas,³⁰ O.K. Rahmat,³¹ Abdulfatah Haron Ibrahim,³² Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman,³³ Johari bin Mat³⁴ serta

²⁸ Sila lihat H.M. Rashidi (1967), *Islam dan Kebatinan*, Bulan Bintang, Jakarta.

²⁹ Sila lihat Hamka (1971), *Perkembangan Kebatinan Di Indonesia*, Bulan Bintang, Jakarta.

³⁰ Sila lihat S.M. Naquib al-Attas (1963), *Some Aspects Of Sufism As Understood And Practiced Among The Malays* MSRI Ltd., Singapore.

³¹ Sila lihat O.K. Rahmat (1983), *Pencemaran Akidah Di Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

³² Sila lihat Abdulfatah Haron Ibrahim (1987), *Ajaran Sesat*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

³³ Sila lihat Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman (1990), *Satu Analisis Perbandingan Antara Doktrin-Doktrin Dalam Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana Dan Tarekat Naqsyabandiah Kadirun Yahya*, (Tesis M. A.), Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi).

³⁴ Sila lihat Johari bin Mat (1415H/1995M), *al-'Aqāid al- Bātiniyyah Fi Maliziya 'Arad Wa Naqd*, (Tesis Ph.D.), Jāmi'ah al-Imām Muhammad bin Sa'ud al-Islāmiyyah, al-Sa'udiyyah, Riyad.

beberapa penulis lagi. Di Indonesia gejala penyelewengan akidah umumnya dikaitkan dengan aliran kepercayaan atau ajaran kebatinan. Tetapi di Malaysia ia lebih dikaitkan dengan ilmu tasawuf. Walau bagaimanapun ciri kedua-duanya adalah sama sahaja iaitu *tasawuf kebatinan*.

Semua sarjana atau penulis yang terlibat dalam kajian ini seperti dinyatakan di atas, hanya S.M. Naquib al-Attas, O.K. Rahmat, Abdulfatah Haron, Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman dan Johari Mat (kesemuanya di Malaysia) yang menampakkan ketegasan dalam membicarakan ajaran sesat masa kini. Mereka telah secara langsung membabitkan ajaran “*Tasawuf Wujudiyyah*” sebagai salah satu punca utama kepada ajaran sesat (selain ajaran batiniah / kebatinan).

S. M. Naquib al-Attas, terlibat dalam kajian ajaran sesat ini dalam bukunya, “*Some Aspects Of Sufism As Understood And Practiced Among The Malays*”, memuatkan satu tajuk kecil, iaitu ‘Taslim’ sebagai satu ajaran yang berpunca dari penyelewengan terhadap konsep-konsep tasawuf yang kontroversial dan tinggi.³⁵ Beliau memperkenalkan identiti *Ajaran Taslim* ini dengan konsepnya ‘Siapa Yang Kenal Dirinya, maka dia kenallah akan Tuhan’ yang kononnya adalah dari sebuah hadis yang berbunyi:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Maksudnya: “Siapa yang kenal dirinya, maka kenallah ia akan Tuhan”.

³⁵ S. M. Naquib al-Attas, *Op. Cit.*, h. 89.

“Hadis” ini adalah dirujuk kepada Ajaran Taslim, tetapi penulis tidak menganalisis “hadis” ini sama ada ia benar-benar hadis atau tidak, berlainan dengan Abdulfatah yang mendapati bahawa “hadis” di atas bukunya hadis, tetapi ia adalah dari kata-kata Yahya ibn Muadh al-Rāzi.³⁶ Penulis menyebutkan bahawa dari berbagai sumber yang rapat dengan kumpulan Taslim, ajaran ini adalah berdasarkan fahaman yang terdapat di dalam buku ‘*Anā’ al-Haq’* yang diterbitkan di Lahore, India dalam tahun 1926.³⁷

Seorang lagi pengkaji mengenai ajaran sesat yang menyeleweng dari akidah Islam ialah O.K. Rahmat, seorang Pensyarah di Universiti Sains Malaysia. Bukunya “*Pencemaran Akidah Di Nusantara*”, menampakkan sejarah pertumbuhan akidah di Nusantara dari zaman sebelum Islam hingga selepas Islam. Beliau juga menyentuh aliran tasawuf Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani mengenai konsep ketuhanan dan hubungan manusia dengan Tuhan. Beliau mengulas bahawa kaedah Hamzah mengibaratkan Tuhan dengan makhluk, seperti matahari dengan cahayanya, adalah sama dengan penjelasan konsep triniti oleh Kristian³⁸.

Mengenai ajaran menyeleweng, beliau mengaitkannya dengan prinsip ajaran *hatiniah* dan *wahdat al-wujud* sebagaimana juga Abdulfatah, H.M. Rashidi dan Hamka. Dalam bukunya ini, O.K. Rahmat secara tidak langsung mengkritik pendapat S.M. Naquib al-Attas terutama mengenai teori wujudiah Hamzah

³⁶ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op. Cit.*, h. 39.

³⁷ S.M. Naquib al-Attas, *Op. Cit.*, h. 90.

³⁸ O.K. Rahmat, *Op. Cit.*, h. 52.

Fansuri. S.M. Naquib al-Attas mempunyai tanggapan yang berlainan sedikit dalam menilai teori wujudiah Hamzah Fansuri di mana beliau berpendapat, konsep “*kunhi dhāt*” Hamzah Fansuri adalah kepercayaan ketuhanan yang tunggal atau tauhid yang mempunyai konsep antologi, kosmologi dan psikologi tersendiri dalam satu konsep yang agung yang biasa dinamai dengan istilah keesaan wujud atau *wahdat al-wujūd*. Ia tidak boleh disamakan dengan falsafah Neoplatonismc dan falsafah Hindu yang dihuraikan mengikut pandangan *Vedanta*, sebab pada umumnya konsep-konsep itu berdiri tegak atas dasar-dasar yang terdapat dalam al-Quran”.³⁹ Dalam hal ini O.K. Rahmat meragui pendapat ini kerana tidak ada nas yang *sareh* yang membenarkan pendapat tersebut.⁴⁰ Pendapat O.K. Rahmat ini senada dengan pendapat Abdulfatah malah dengan Hamka juga.

Dalam bukunya setebal 134 muka surat, bertajuk “*Ajaran Sesat*”, Abdulfatah Haron telah membicarakan secara khusus mengenai ajaran sesat di Malaysia dan menganalisis sumber-sumber atau asal usul ajaran sesat ini. Bagi beliau, ajaran-ajaran sesat yang menyumbang kepada gejala penyelewengan akidah itu sumbernya sama sahaja iaitu dari ajaran *Batiniah* dan ‘*Tasawuf Wujudiyyah*’;⁴¹ dan *Ajaran Taslim* adalah satu model utama kepada ajaran-ajaran sesat yang mempunyai ciri sedemikian. Pada pendapat penulis, inilah antara buku yang paling berani membuat analisis mengenai ajaran sesat kerana beliau (Pengarang) secara tegas telah mengkritik tasawuf wujudiah yang dianut dan

³⁹ S.M. Naquib al-Attas, *Op. Cit.*, h. 29.

⁴⁰ O.K. Rahmat, *Op. Cit.*, h. 49.

⁴¹ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op. Cit.*, h. 78-79.

disebarkan oleh beberapa tokoh sufi yang diagung-agungkan seperti Ibn Arabi, Abdul Karim al-Jili, Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani serta beberapa orang tokoh lain yang terpengaruh dengannya, termasuk sarjana-sarjana muktakhir sendiri.

Abdulfatah telah membuktikan bahawa sahaman wujudiah adalah dari pengaruh agama Hindu dan teori emanasi *Neoplatonism*, dari warisan falsafah Greek,⁴² dan ia jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Manakala Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman pula dalam kajiannya yang bertajuk, “*Satu Analisis Perbandingan Antara Doktrin-Doktrin Dalam Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana Dan Tarekat Naqsyabandia Kadirun Yahya*”, telah membincangkan persoalan yang hampir sama. Kajian ini merupakan satu kajian analisis perbandingan terhadap doktrin-doktrin yang terkandung di dalam tiga ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam iaitu ajaran Taslim, ajaran Ahmad Laksamana dan ajaran Tarekat Kadirun Yahya. Pada hemat penulis, tujuan utama kajian ini ialah: Pertama, untuk mengenali isi-isi doktrin ajaran tersebut serta punca-puncanya. Kedua, untuk mengetahui di mana persamaan dan perbezaan antara ajaran-ajaran berkenaan berdasarkan empat doktrin ‘*Syiah Ismā’iliyyah-Batiniyyah*’ dan tasawuf teosofi atau doktrin tasawuf Batiniyah iaitu doktrin-doktrin *imam* dan *mursyid*, batin dan takwil, gnosis, serta emanasi dan wujudiah. Ia mempunyai hampir persamaan dengan apa yang dibincangkan penulis dalam disertasi ini yang mensfokuskan secara langsung

⁴² *Ibid.* h. 16-21.

tentang penyelewengan yang berlaku dalam ‘tarikat’ yang diasas serta disebarluaskan oleh Hassan bin Yaacob.

Dalam ajaran Taslim, didapati mengandungi kesemua doktrin Tasawuf Batiniah di atas. Manakala dalam ajaran Ahmad Laksamana didapati ia hanya mengulangi doktrin-doktrin dalam ajaran Taslim dengan tumpuan kepada Falsafah Wujudiah. Dalam ajaran Tarekat Naqsyabandiyyah Kadirun Yahya, didapati ia juga memiliki doktrin tasawuf Batiniah di atas dengan penekanannya kepada doktrin Nur, yang merupakan satu unsur penting dalam teori emanasi Neoplatonism. Dalam analisis perbandingan dan analisis doktrin, didapati bahawa semua doktrin-doktrin dalam ketiga-tiga ajaran tersebut banyak persamaannya dan mempunyai kaitan antara satu sama lain, terutama antara Taslim dan Tajalli Ahmad Laksamana. Semua ajaran-ajaran menyeleweng adalah berpusat kepada doktrin-doktrin Batiniah dan Tasawuf Teosofi. Sumber-sumbernya adalah kembali kepada berbagai doktrin falsafah dan tradisi keagamaan, bukannya kepada al-Quran dan Sunnah.⁴³

Johari bin Mat pula, melalui kajiannya yang bertajuk, *al-‘Aqāid al-Bātinīyyah Fi Maлизiyā ‘Arad Wa Naqd*, telah mengupas secara khusus tentang gejala penyelewengan akidah di Malaysia. Beliau menerangkan bentuk-bentuk penyelewangan akidah yang berdasarkan akidah tasawuf wujudiah-batiniah serta pemikirannya yang telah disebarluaskan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ajaran yang disebarluaskan itu menyumbang kepada berlakunya penyelewangan akidah di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Di antara kumpulan yang

⁴³ Abdullah Fahim bin Haji Ab. Rahman, *Op. Cit.*, h. 194-210.

bergerak di atas landasan ‘*Tasawif Wijudiyyah Batinyyah*’ yang difokuskan oleh Johari Mat ialah kumpulan ‘tarekat’ yang diasaskan oleh Hassan bin Yaacob. Ini dapat dilihat melalui perbincangannya dari muka surat 427 hingga 467. Sepanjang perbincangannya, Johari Mat telah menerangkan asal usul wujudnya kumpulan ajaran tarekat tersebut yang jelas bertentangan dengan konsep akidah Islam. Ini kerana ajaran tersebut telah menolak akidah tauhid dan syariat Islam. Kerana setiap pengikutnya tidak diwajib menunaikan sembahyang lima waktu, berpuasa bulan Ramadan, mengeluarkan zakat, menunaikan haji serta perkara asas agama yang lain yang membawa kepada syirik serta kufurnya seseorang itu terhadap Allah Pencipta sekelian alam.⁴⁴

Johari bin Mat juga turut menjelaskan bentuk-bentuk ajaran yang menyeleweng dari ajaran tersebut khususnya berkaitan dengan persoalan syariat dan akidah (ibadah dan pegangan kepercayaan terhadap agama Allah s. w. t.). Ini kerana ajaran yang dibawa itu jelas terbukti penyelewengannya apabila dibentangkan hujah-hujah yang berdasarkan nas-nas al-Quran dan Sunnah serta pendapat-pendapat ulama muktabar berkaitan dengan persoalan ibadah dan iktikad yang sebenar. Sebagai contoh dalam pegangan ajaran tersebut ada menyatakan bahawa sembahyang lima waktu sudah dikira memadai dengan bermiat sahaja. Ini amat jauh dari kehendak agama Islam, kerana mengikut hukum Islam setiap sembahyang lima waktu yang dikerjakan itu mestilah terangkum dari tiga asas utama iaitu *fi 'li*, *qalbi*, dan *qaudi*.⁴⁵

⁴⁴ Bentuk-bentuk penyelewengan yang terdapat dalam ajaran tarekat seperti ini; ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’ akan diterangkan secara terperinci di dalam bab ketiga dan bab keempat kajian ini.

Begitu juga ajaran Hassan Anak Rimau yang telah di bincangkan oleh Johari Mat membuktikan bahawa ianya telah menolak akidah tauhid di dalam berikikad kerana ajaran tersebut secara jelas telah menyengutkan Allah s. w. t. dengan makhluk juga menafikan kerasulan Nabi Muhammad s. a. w. Perkara ini dinyatakan dalam perbincangannya dari muka surat 436 hingga 444.⁴⁵

Jelas sekali ajaran ‘tarekat’ ini tidak lari dari konsep *tasawuf wijudiyyah-batinyyah* sebagaimana yang di bincangkan oleh penulis-penulis sebelum ini mengenai kes yang sama. Ianya membawa kepada terkeluarnya daripada akidah Islam yang suci sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah melalui kitab suci al-Quran juga melalui hadis-hadis Nabi Muhammad s. w. t. Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau ini adalah penerusan kepada doktrin-doktrin dalam ajaran-ajaran sesat terdahulu.

Sepanjang pengamatan penulis tentang beberapa penulisan atau hasil kajian yang mempunyai kaitan dengan apa yang dibincangkan di dalam kajian ini, penulis dapati tidak ada hasil penulisan atau kajian sebelum ini yang mengupas secara terperinci mengenai ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau seperti apa yang dikemukakan oleh penulis dalam kajian ini.

1.8 Metodologi Penyelidikan

Dalam menjayakan penyelidikan ilmiah, metod yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu kajian itu mestilah sesuai dengan bentuk kajian yang dibuat. Ini kerana sesuatu metod yang digunakan akan menentukan ketepatan

⁴⁵ Lihat Johari bin Mat, “*al-'Aqāid al-Bāthiniyyah Fi Ma'iliya 'Arad Wa Naqd*”.

dengan apa yang difokuskan. Sesuatu hasil kajian akan lebih ilmiah dan ‘bermutu tinggi jika metod-metod yang digunakan bertepatan serta bersesuaian dengan objek yang telah dipilih dan bersamaan dengan objektif sesuatu penyelidikan itu dibuat. Metodologi bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian atau kajian.⁴⁶ Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu *methodos* yang bererti “cara atau jalan”.⁴⁷ Sementara logos pula bermaksud “ilmu”.⁴⁸ Oleh itu ia juga dapat diertikan sebagai ilmu tentang cara penelitian terhadap sesuatu objek yang dilandasi oleh cara berfikir secara logis, justeru ia harus pula dilandasi oleh pola berfikir mutakhir yang lazim menjawai sesuatu metodologi itu.⁴⁹

Seorjono Soekanto dalam *Kamus Sosiloginya*, mendefinisikan kaedah “metodologi” itu sebagai ilmu mengenai tatacara dan teknik penelitian.⁵⁰ Teuku Iskandar pula mendefinisikan metodologi sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.⁵¹ Manakala penyelidikan pula bererti ‘tatacara teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan’.⁵² Metod merupakan elemen terpenting dalam membuat penelitian atau kajian ilmiah kerana

⁴⁶ Imam Barnadib, M.A. Ph.D (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Penerbit: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, h. 51

⁴⁷ Seorjono Soekanto (1985), S. H. M. A, *Kamus Sosiologi*, Jakarta: CV, Rajawali, h. 16.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Imam Barnadib, *Op. Cit.*, h. 52.

⁵⁰ Seorjono Soekanto *Op. Cit.*, h.303.

⁵¹ Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan* (Edisi Baru), D. B. P., Cet. Pertama, Kuala Lumpur, h. 702.

⁵² Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi Suatu Pengenalan*, D. B. P., Kuala Lumpur, h. 3.

ia merupakan cara atau sistem kerja untuk memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian.⁵³ Dari itu penggunaan metod-metod yang tepat dan sesuai dengan objek penelitian serta tujuannya akan menghasilkan sesuatu kajian serta penelitian yang bermutu.

Secara umumnya untuk menyempurnakan disertasi ini penulis menggunakan dua metod utama, iaitu penyelidikan perpustakaan (*Library Research*) dan penyelidikan lapangan (*Field Research*).

1.8.1 Metod Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Dalam mengadakan penyelidikan berkenaan kajian kes, mengumpulkan data-data yang diperlukan penulis menggunakan metod *Libreary Reseach*, iaitu mengadakan penelitian ke perpustakaan dengan cara mencari buku-buku dan majalah-majalah berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perpustakaan-perpustakaan yang telah dikunjungi oleh penulis ialah Perpustakan Besar Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ), Universiti Malaya Kulala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan dan Perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Metod ini

⁵³ Koentjaraningrat (1977), (ed), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, P.T. Gramedia, Jakarta, h. 18.

digunakan dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat. Ia disebut juga “*Book Survey*”.

1.8.2 Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan bermaksud membuat penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih untuk diteliti dan dikaji.⁵⁴ Bagi tujuan tersebut penulis telah pergi ke tempat sempal yang berkaitan dengan kajian kes untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat, iaitu pusat ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang terletak di kampung Bukit Mas, jajahan Tanah Merah. Penulis juga telah pergi ke rumah beberapa individu yang berkaitan pengikut setia, bekas pengikut, dan juga mereka yang pernah mengikuti ajaran tersebut untuk mendapatkan fakta tentang amalan ajaran tersebut. Penulis juga telah pergi ke Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bahagian Penyelidikan dan Penguatuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan yang terletak di Kompleks Balai Islam Lundang, juga Pejabat Kadi Jajahan Tanah Merah untuk mendapatkan fakta, data serta pandangan dari individu-individu berkenaan dalam melengkapkan fakta kajian terhadap tajuk yang dipilih. Metod ini digunakan di dalam bab-bab pertama, kedua, ketiga dan keempat.

Selain menggunakan dua metod utama di atas, penulis menggunakan beberapa metod lain bagi mengkaji, mengumpul, menyusun atur serta menganalisis data-data yang diperolehi di dalam penyelidikan ini iaitu: Metod Penentuan Subjek, Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis Data.

⁵⁴ Koentjaraningrat, *Op. Cit.*, h. 20-22.

1.8.2.1 Metod Penentuan Subjek

Penulis menggunakan metod persempelan dalam menentukan subjek penelitian. Ini kerana terdapat banyak kumpulan-kumpulan yang menyumbang kepada berlakunya penyelewengan akidah di kalangan masyarakat Islam di Malaysia umumnya dan di negeri Kelantan khasnya. Untuk memudahkan penyelidikan, penulis telah memilih Ajaran Terekat Zikrullah Hassan Anak Rimau' yang berpusat di jajahan Tanah Merah, Kelantan sebagai subjek kajian.

1.8.2.2 Metod Pengumpulan Data

Secara umum penyelidikan bererti "usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data-data yang terkumpul".⁵⁵ Penulis menggunakan metod ini adalah bertujuan untuk memperolehi maklumat-maklumat dan informasi yang tepat mengenai objek yang dikaji.

Untuk tujuan tersebut, penulis telah menggunakan beberapa metod sampingan bagi mendapatkan data-data dan informasi yang diperlukan dalam kajian ini iaitu:

(a) **Metod Historis Atau Persejarahan**

Penyelidikan yang menggunakan metod historis adalah penyelidikan yang mengaplikasikan metod pemecahan yang ilmiah daripada perspektif historis sesuatu permasalahan. Menurut definisinya,

⁵⁵ Gerald S. Ferman & Jack Levin (1975), *Social Science Research*, U. S. A., h 32-62.

metod historis adalah “landasan sejarah penyelidikan”. Ia juga boleh didefinisikan sebagai “suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian”.⁵⁶

Penggunaan metod historis juga ialah untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah, kerana sejarah merupakan cacatan peristiwa yang benar-benar berlaku.⁵⁷ Penggunaan metod ini bertujuan untuk mendapatkan data dan fakta yang mempunyai nilai sejarah yang terdapat di dalam kajian ini iaitu di dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat

(b) Metod Dukumentasi

Metod dokumentasi bermaksud cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang diselidiki.⁵⁸ Dokumen pula bermakna “benda bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan”. Ianya boleh terdiri daripada gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan, keputusan pengadilan dan seumpamanya. Malah ia juga termasuk di dalam

⁵⁶ Winarno Surachmad (1970), *Dasar Dari Teknik Resea Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung, h. 52

⁵⁷ Sidi Ghazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, h. 77.

⁵⁸ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 117.

dokumen seperti fotobiografi, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, surat khabar, cerita roman dan cerita rakyat.⁵⁹

Selain daripada itu, bagi melengkapkan kajian ini penulis mengutip juga sumber daripada al-Quran, hadis dan pendapat-pendapat para ulama dan sarjana Islam dalam memantapkan lagi hujah-hujah sebagai bahan bukti. Ini kerana al-Quran dan Hadis juga dapat dianggap sebagai satu dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin pula keasliannya.⁶⁰ Ianya digunakan oleh penulis dalam kesemua bab dalam kajian ini.

(c) Metod Wawancara

Metod yang digunakan juga oleh penulis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelidikan ini ialah mewawancara individu-individu berkenaan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan. Metod wawancara atau *interview* merangkumi cara yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan tertentu bagi mendapat keterangan atau pendirian secara percakapan daripada seseorang *responden* dengan bercakap secara berhadapan muka dengan individu berkenaan.

Metod ini menghendaki komunikasi langsung antara seseorang penyelidik dengan subjek atau sempel. Dengan kata lain metod ini adalah

⁵⁹ Abdur Halim Hj. Mat Diah (1986), *Falsafah Pendidikan Islam Di Malaysia, Kajian Ilmiah (IAIN)*, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, h. 116.

⁶⁰ *Ibid.*

cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan secara lisan dari seseorang responen dan bercakap secara berhadapan muka dengan orang tersebut.⁶¹

Dalam mendapatkan maklumat kajian, penulis telah mengadakan temu bual dalam bentuk wawancara dengan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk mendapatkan penjelasan tentang perkara-perkara yang perlu dibincangkan dalam kajian ini. Penulis telah menggunakan pita rakaman sebagai alat membantu kelancaran wawancara bagi mengelakkan daripada kesilapan fakta dari keterangan yang diberi sebagai data-data pokok yang disampaikan. Metod ini digunakan oleh penulis pada bab ketiga dan keempat.

(d) **Metod Observasi.**

Metod observasi merupakan cara di dalam membuat penelitian yang dapat menghasilkan pengetahuan yang sesuai dengan syarat-syarat penelitian, tanpa memerlukan seseorang peneliti terbabit secara langsung di dalam persoalan-persoalan yang ada hubungannya dengan aspek penelitian.⁶² Melalui metod ini juga dimasukkan pengalaman seseorang peneliti yang dialami secara langsung dalam persoalan yang berkaitan serta dapat menghasilkan pengetahuan ilmiah.⁶³

⁶¹ Keontjaranigrat (1977), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, Penerbit P.T Gramedia, Jakarta, h. 16.

⁶² Abdul Halim Hj. Mat Diah, *Op.Cit*, h. 129.

⁶³ Keontjaranigrat, *Op. Cit.* h. 27.

Penggunaan metod observasi ini adalah untuk memperlengkapkan lagi data-data yang diperolehi dengan menggunakan metod-metod lain iaitu, metod dokumentasi, metod historis dan metod interview. Metod ini telah dilakukan dalam tempoh yang sama dengan kesempatan yang penulis gunakan untuk mengumpul dokumen-dokumen sepanjang kajian ini dijalankan melalui pengamatan, pemerhatian, juga dengan mencatat segala butir-butir yang ada hubungannya dengan objek yang dikaji. Metod ini penulis gunakan pada bab pertama, kedua, ketiga, dan keempat, juga pada bab kelima yang merupakan bab kesimpulan dan cadangan.

1.8.2.3 Metod Analisis Data

Setelah data dan fakta-fakta kajian dikumpulkan melalui metod pengumpulan data, seterusnya ia dianalisis dan diolah bagi menjelaskan lagi penghuraian berdasarkan fakta dan data yang terkumpul. Penganalisaan ini pula menggunakan tiga metod berikut iaitu:

(a) **Metod Induktif**

Metod induktif ialah satu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.⁶⁴ Ia digunakan juga untuk membuat kesimpulan umum dari beberapa kenyataan atau contoh-contoh

⁶⁴ Imam Barnadib, *Op. Cit*, h. 52.

tertentu.⁶⁵ Metod ini digunakan dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat.

(b) **Metod Deduktif**

Metod deduktif bererti pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal khusus.⁶⁶ Penulis menggunakan metod deduktif ini pada bab kedua, ketiga dan kempat dalam huraian mengenai konsep akidah sebenar di dalam Islam, serta rumusan hasil wawancara mengenai penyelewengan akidah yang terdapat dalam “Ajaran Hassan Anak Rimau”, dan juga bentuk-bentuk penyelewengan dari sudut pegangan akidah dan cara beribadat ajaran tersebut.

(c) **Metod Komparatif**

Metod komparatif bererti cara untuk membuat kesimpulan dengan melibatkan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa sesuatu penelitian dilakukan.⁶⁷ Metod ini digunakan dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat.

⁶⁵ A. S. Homby (t.t), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Cet. IV, Oxford University Press h. 636.

⁶⁶ *Ibid.* h. 312.

⁶⁷ *Ibid.* h. 234.

1.9 Sistematika Penulisan

Dalam penulisan disertasi ini penulis menyusun menurut sistematika seperti mana berikut: Halaman tajuk, pengakuan, dedikasi, penghargaan, abstrak, transliterasi, senarai singkatan kata, isi kandungan, bibliografi, senarai jadual dan lampiran.

Bab pertama, ialah bab pendahuluan. Berasaskan beberapa persyaratan khususnya yang berkenaan dengan sesuatu tulisan ilmiah iaitu: Menerangkan latar belakang masalah, definisi tajuk, alasan pemilihan tajuk, dibincang juga mengenai objektif kajian yang dibuat, permasalahan kajian, batasan kajian, kajian terdahulu tentang tajuk (*literature review*), metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Pada **Bab kedua**, penulis menerangkan mengenai kepentingan akidah di dalam Islam. Perbincangan mengenai manusia memerlukan akidah, pengertian akidah dan pengertian Islam menurut al-Quran dan hadis, juga dibawa beberapa pandangan para sarjana dan ulama Islam mengenainya. Selain itu untuk mencapai matlamat kajian, diterangkan juga erti akidah tauhid dengan meletkkn akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai asas ukuran dalam menentunkn kesalahan penyelewengan akidah di dalam ajaran Hassan Anak Rimau yang menjadi fokus kajian ini. Di dalam bab ini juga penulis menerangkan secara ringkas sejarah penyelewengan akidah yang berlaku sejak dari zaman selepas kewafatan Rasulullah s. a. w. dan seterusnya sampailah ke hari ini, serta gejala penyelewengan akidah yang berlaku di Malaysia juga telah dihuraikan secara

ilmiah sesuai dengan tajuk perbincangan. Selain itu diterangkan juga secara ringkas sejarah perkembangan Islam di negeri Kelantan serta kemunculan ajaran-ajaran sesat yang menyeleweng dari akidah Islamiah yang suci.

Bab ketiga pula membincangkan secara terperinci mengenai penyelewengan akidah dikalangan pengikut-pengikut ajaran sesat; ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’. Di dalam bab ini dijelaskan juga secara fakta tentang latar belakang ajaran, guru ajaran, pusat ajaran, keahlian aktiviti dan pengaruhnya. Ia juga menerangkan bentuk-bentuk penyelewengan akidah yang terdapat di dalam ajaran tersebut; penyelewengan terhadap rukun Islam dan rukun iman, ibadat fardu serta penyelewangan dalam mengkafirkan prang-orang Islam yang tidak bersama ‘kumpulan tersebut’. Selain itu dibincangkan juga mengenai murtad yang berlaku ke atas orang-orang Islam melalui percakapan, perbuatan dan iktikad. Ini kerana ciri-ciri murtad demikian sememangnya berlaku di dalam Ajaran Hassan Anak Rimau.

Bab keempat ialah bab analisis terhadap penyelewengan ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’. Ia juga mambincangkan tahap kesahaman masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah, Kelantan mengenai akidah Islam dan unsur-unsur penyelewengannya, tahap kesahaman terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau, penilaian hukum terhadap ajaran tersebut serta pandangan tokoh dan individu-individu berkenaan mengenainya. Turut dinyatakan di dalam bab ini ialah fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak berkenaan di negara ini mengenai ajaran yang dibawa oleh Hassan Anak Rimau, serta bentuk-bentuk hukuman yang telah dikenakan ke atas ‘guru ajaran’ dan pengikut-pengikutnya.

Bab kelima ialah bab kesimpulan dan penutup. Pada bab ini penulis telah membuat kesimpulan bagi apa yang telah dibincangkan pada bab-bab sebelumnya, juga mengetengahkan beberapa saranan bagi menangani masalah penyelewengan akidah yang berlaku di kalangan umat Islam di Malaysia amnya dan masyarakat Islam di negeri Kelantan khasnya. Mudah-mudahan hasil kajian ini menjadi bahan rujukan bagi setiap individu yang cintakan Islam, serta sentiasa berusaha pula mempertahankan akidah Islamiah yang suci.